

DATE: 10 / 06 / 1982

Malaysia tawarkan bantuan melatih pegawai2 tadbir

Samoa Barat

APIA (Samoa Barat), 9 Jun — Malaysia menawarkan tempat dalam pelbagai institusi latihan sebagai membantu melatih para pegawai dari sini dalam bidang-bidang seperti pentadbiran, penyiaran dan kastam.

Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad membuat tawaran tersebut dalam perjumpaan dengan rakan sejawatnya Vaai Kolone di Pejabat Perdana Menteri Samoa Barat di sini pagi tadi.

Bantuan itu ditawarkan di bawah Rancangan Bantuan Teknik Malaysia untuk melatih para pegawai dalam pelbagai bidang dan juga membawa para pemimpin dan pegawai mereka untuk melawat sambil belajar ke Malaysia bagi meninjau pembangunan luar bandar dan perindustrian.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu para pemberita Bernama dan RTM yang mengiringinya bahawa dalam perjumpaannya dengan Vaai Kolone mereka telah membincangkan kemungkinan mengadakan projek pelaburan bersama khususnya dalam

pembangunan perladangan.

Kemungkinan pelaburan seumpama itu dapat dijalankan oleh sektor swasta dan juga agensi-agensinya kerajaan dan syarikat yang dikawal oleh mereka seperti Guthrie dan Harrisons And Crossfield, katanya.

Malaysia juga boleh menghantar para pakarnya untuk membantu Samoa Barat dalam bidang-bidang tertentu. "Sebenarnya beberapa orang rakyat Malaysia berada di sini memberi bantuan dalam bidang komputer".

Mengenai tawaran kemudahan latihan dan latihan sambil belajar, Perdana Menteri berkata butir-butir berhubung dengannya tidak ditimbulkan dalam perbincangannya dengan rakan sejawatnya.

"Kami mahu melihat kemudahan-kemudahan yang terdapat di Malaysia terlebih dahulu", katanya.

Bagaimanapun, beliau menyebut Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) yang mungkin dapat menyediakan latihan dalam penyiaran dan kastam sebagai bidang-bidang yang boleh ditawarkan kepada para pe-

gawai dari sini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata Samoa Barat menunjukkan minat untuk menyambut tawaran tersebut.

Malaysia setakat ini telah membuat tawaran seperti itu kepada negara-negara Pasifik Selatan umpamanya Fiji, Tonga, Samoa Barat, Kepulauan Solomon dan Papua New Guinea. Ia juga menawarkan bantuan yang serupa kepada

Oman.

Pagi tadi, Perdana Menteri diterima mengadap oleh Ketua Samoa Barat, Malietoa Tanumafili II, di Vailima di sini.

Kunjungan setengah jam itu disusuli dengan kunjungan ke atas Timbalan Ketua Negara, Tupua Tamasese Lealofi IV, di kediamannya di Malae-O-Matagofie.

Kemudian, Datuk Sri Dr. Mahathir mengada-

kan pertemuan dengan Vaai Kolone sementara para pegawai kedua-dua negara mengadakan mesyuarat berasingan dalam sebuah bilik lain.

Petang ini, Datuk Sri Dr. Mahathir dan Datin Sri Dr. Siti Hasmah diberi sambutan tradisional kampung dan diikuti dengan majlis makan tengah hari di Poutasi yang terletak di pantai selatan Pulau Upolu, 42

kilometer dari Apia, ibu negara Samoa Barat, yang terletak di pantai utara.

Dalam upacara itu, Datuk Sri Dr. Mahathir dan Datin Sri Dr. Siti Hasmah dihidangkan minuman kava (yang dibuat daripada akar kava) sebagai melambangkan mereka diterima ke dalam masyarakat di situ. Beliau telah disambut oleh ketua sami, Tuataga. — Bernama.